

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN IBU PEJABAT PERNAS

TEMPAT: IBU PEJABAT PERNAS JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR

TARIKH: 06 APR 1984

MASA:

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan berkat dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir di upacara perasmian pembukaan Bangunan Ibu Pejabat PERNAS ini. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Pengerusi serta Lembaga Pengarah Pernas kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan pembukaan Bangunan ini.

2. PERNAS adalah salah sebuah agensi yang telah ditubuhkan bagi pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Kini PERNAS telahpun berusia lima belas tahun. Dari mulanya PERNAS telah melibatkan diri dalam lapangan perniagaan, insuran, pembinaan dan perlombongan. Kini agensi ini telahpun mempelbagaikan kegiatannya dalam berbagai bidang yang lain, termasuk hotel dan pembangunan, perladangan, kewangan, perkapalan, kejuruteraan dan telekomunikasi. Setakat ini, PERNAS terlibat dalam seratus buah syarikat di negara ini.

3. Kepada pelabur-pelabur asing pula, PERNAS merupakan rakan usahasama yang telah menunjukkan perkembangan dan keupayaan sebagai salah sebuah 'conglomerate' yang terbesar di negara ini yang kini telahpun mempunyai harta yang bernilai hampir dua ribu juta ringgit. Bahawa PERNAS telah berjaya, dapat diukur daripada bilangan syarikat miliknya yang telah dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad. Sepertimana kita semua maklum cuma syarikat-syarikat yang berjaya sahaja yang akan diambil-alih oleh PNB. Walaupun syarikat-syarikat yang untung ini sudah terlepas dari tangan PERNAS, PERNAS masih berjaya mendapat keuntungan dari syarikat-syarikat yang masih dimiliki olehnya.

4. Sekaligus, pemisahan syarikat-syarikat yang baik dari badan-badan seperti PERNAS adalah tidak adil dan menjadi beban kepada mereka. Tetapi harus kita ingat bahawa badan-badan perniagaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan bukanlah untuk mencari untung bagi Kerajaan. Badan-badan ini adalah pemegang amanah bagi rakyat bumiputera keseluruhannya. Kita tidak boleh memindahkan syarikat-syarikat yang berjaya ini kepada individu bumiputera atau kumpulan bumiputera yang kecil kerana ini bererti mengguna wang Kerajaan untuk kepentingan beberapa

orang sahaja. Sebab itulah kita menubuhkan Amanah Saham Nasional supaya keuntungan daripada pelaburan Kerajaan akan dinikmati oleh seberapa ramai rakyat bumiputera yang mungkin. Jadi pemindahan syarikat-syarikat yang berjaya kepada PNB dan ASN adalah memenuhi tujuan penubuhan badan-badan seperti PERNAS, dan mereka tidak harus berasa kecewa.

5. Saya berharap agensi-agensi awam akan terus berusaha menjayakan anak-anak syarikat mereka dan menyerahkannya kepada badan-badan yang mana bumiputera menjadi pemilik saham seperti ASN. Setakat ini, PERNAS telah berjaya memindahkan ekuiti dan sahamnya dalam sebelas buah syarikat kepada kaum bumiputera menerusi Permodalan Nasional Berhad. Ini merupakan bilangan yang terbesar sekali yang telah dipindahkan daripada mana-mana agensi amanah kepada Permodalan Nasional Berhad. Syarikat-syarikat yang telah dipindahkan kepada PNB itu adalah syarikat-syarikat yang telah mencapai tahap keuntungan yang tinggi dan mempunyai masa hadapan yang cerah. Saya percaya PERNAS berkeupayaan memindahkan ekuiti dan sahamnya dalam beberapa buah syarikat lain lagi di masa hadapan. Saya mengucapkan syabas kepada PERNAS kerana jelas di sini bahawa usaha PERNAS memindahkan hak milik syarikat-syarikat Kerajaan kepada kaum bumiputera sedang dilaksanakan dengan lancar dan jayanya.

6. Usaha penyerahan syarikat-syarikat Kerajaan ini adalah wajar dari segi pengagihan kekayaan negara. Walau bagaimanapun pemilikan ekuiti secara begini adalah penyertaan bumiputera dalam alam perniagaan dan perindustrian secara pasif. Pelabur-pelabur bumiputera, melalui ASN dan kemudahan tabungan yang lain, tidak memainkan peranan yang aktif, tidak menyertai pengurusan dalam membuat keputusan-keputusan dan lain-lain. Pelabur-pelabur tidak menanggung risiko dan tidak bersama-sama dengan naik-turun sesuatu perniagaan itu.

7. Kita akui bahawa tidak semua orang dapat melibatkan diri secara aktif dalam perniagaan dan perindustrian. Justeru itu saham-saham amanah ini perlu terus wujud sebagai alat penabungan dan pelaburan. Penabungan adalah langkah pertama yang penting bagi meningkatkan pelaburan dan penyertaan ekuiti bumiputera. Oleh kerana ini, Kerajaan akan terus menggalakkan penabungan. Di samping kita menggalakkan penabungan dan penyertaan ekuiti oleh bumiputera melalui ASN dan lain-lain kemudahan penabungan, kita mestilah memastikan bilangan bumiputera yang aktif secara langsung dalam perniagaan dan perindustrian terus meningkat. Kita mesti memastikan bilangan pengusaha atau 'entrepreneur' bumiputera bertambah dari tahun ke tahun.

8. Peranan yang boleh disumbangkan oleh badan-badan awam seperti PERNAS adalah terhad. Sehabis-habisnya badan-badan ini hanya boleh memberi 'exposure' pertama dalam perniagaan. Ini sudah tentu tidak sama dengan pengalaman yang boleh diperolehi apabila risiko dan pahit-maung dalam perniagaan ditanggung sendiri. Pengalaman secara langsung sahajalah

yang akan menjadikan pengusaha kita lebih gigih dan tahan lasak atau 'resilient'. Kerajaan, melalui beberapa dasarnya, menggalakkan penyertaan bumiputera dalam perniagaan dan perindustrian. Sekarang kita mesti berusaha meningkatkan bilangan pengusaha bumiputera yang berkecimpung secara aktif dalam lapangan perniagaan dan perindustrian.

9. Di antara perkara yang mendukacitakan bila kita bercakap tentang pengurus-pengurus bumiputera di sektor swasta ialah gejala bertukar kerja dari satu institusi perniagaan ke satu institusi perniagaan semata-mata kerana mengejar gaji yang lebih. Badan-badan perniagaan harus sedar bahawa pengurus-pengurus seperti ini tidak akan menjadi asset kepada mereka. Orang seperti ini sampai bila-bila pun tidak akan mempunyai kesetiaan kepada organisasi -- di kepala mereka cuma terdapat perkiraan gaji, 'perks' dan lain-lain. Kepada pengurus-pengurus seperti ini, ingin saya sebutkan bahawa sikap mereka akan menjejaskan pencapaian bumiputera keseluruhannya. Mereka harus sedar bahawa sikap sedemikian menjadikan mereka bahan jual-beli. Dari segi jangka panjang, pengurus-pengurus bumiputera yang bersikap seperti ini tidak dapat mengumpul pengalaman yang cukup dalam satu-satu sektor atau jenis perniagaan atau perindustrian. Sikap seperti ini akan merugikan bumiputera juga akhirnya. Saya berharap pengurus-pengurus bumiputera akan lebih mementingkan keuntungan jangka panjang, iaitu mengumpul seberapa banyak pengalaman dan pengetahuan dalam satu-satu bidang perniagaan dan perindustrian. Selepas itu mereka perlu mengenal-pasti jenis perniagaan yang betul-betul secocok dengan pengalaman dan kepakaran mereka dan mereka boleh melabur tenaga, fikiran dan modal di dalamnya. Insya-Allah mereka mungkin lebih berjaya. Kepada eksekutif yang khuatir mereka terlepas peluang, ingin saya tegaskan bahawa bagi yang berpengalaman dan cekap, peluang ada bila-bila masa sahaja. Sebenarnya, di waktu ini pun terdapat beribu peluang perniagaan dan beribu lagi akan menjelma sepanjang masa. Oleh itu janganlah khuatir. Bila sahaja anda sudah cukup bersedia, anda boleh rebut salah satu daripada beribu peluang yang terbuka kepada anda.

10. Sebagaimana juga keadaannya dengan syarikat-syarikat di sektor swasta, agensi seperti PERNAS ini wujud dalam suasana dan keadaan sekeliling yang sentiasa berubah. Dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang telah dan yang masih kita alami, sudah tentu kita akan menghadapi banyak cabaran dan persaingan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan kita. Dalam keadaan yang sedemikian, amatlah penting bagi semua kakitangan PERNAS sentiasa sensitif terhadap segala perkembangan, bukan sahaja di sekitar negara kita, tetapi juga di peringkat antarabangsa untuk menjamin kebolehan kita untuk terus bertanding dalam dunia perniagaan moden. Di samping itu, agensi-agensi perniagaan Kerajaan perlulah mengamalkan sikap 'berdikari' dan memupuk pengalaman semua teknik yang boleh meningkatkan prestasi dalam semua lapangan. Janganlah menunggu dan bergantung kepada peluang berniaga dengan Kerajaan sahaja. Dan jangan sekali-kali

berharap 'business' dari Kerajaan akan datang dengan sendirinya kerana kita adalah syarikat milik Kerajaan. Syarikat milik Kerajaan pun mesti 'aggressive' dalam usaha mendapat kontrek-kontrek Kerajaan.

11. Bangunan Ibu pejabat PERNAS ini akan dikenali dengan nama 'Menara Tun Razak' bagi mengenang jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak kepada negara amnya, dan kepada PERNAS khususnya. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hajjah Rahah serta keluarga, kerana telah merestui supaya bangunan ini dinamakan 'Menara Tun Razak'.

12. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah Pernas, dan dengan sukacitanya membuka 'Menara Tun Razak' ini dengan rasminya. Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.